BULETIN

AL-IRSYAD

Unit Pendidikan Islam & Moral - Jabatan Pengajian Am - PTSS

EDISI. 9 • 2019

"Ujian tanda Allah sayang, suburkan iman dengan kesabaran..."

TENANG SAAT DIUJI

Berlapang dada saat diuji dan ucapkan kalimah

Innalillahi wainna ilaihi raji'un

SABAR

Sabar ialah sesuatu yang begitu mudah diungkap dengan kata - kata namun perlu kepada kekuatan jiwa

ISSN 2637-0247

BULETIN AL-IRSYAD

Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin, 2018

Hak Cipta Terpelihara.
Tiada mana – mana bahagian daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dengan apa cara sekalipun termasuk elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman atau sebaliknya tanpa mendapat izin dari penerbit. Hak Cipta Terpelihara.
Tiada mana – mana bahagian daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dengan apa cara sekalipun termasuk elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman atau sebaliknya tanpa mendapat izin dari penerbit

Perpustakaan Negara Malaysia

Data Pengkatalogan - dalam - Penerbitan

Ilustrasi : Sumber internet

Diterbitkan oleh:
Unit Pendidikan Islam dan Moral
Jabatan Pengajian Am,
Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin,
Pauh Putra,
02600 Arau,
Perlis

Sidang Redaksi

Penaung I
Encik Abdul Malek Bin Hassan

Penaung II
Puan Roseliza Binti Dato' Shaari

Penasihat I
Encik Razak Bin Nordin

Penasihat II
Puan Zuraiha Binti Mohd Zain

Editor
Norhafizah Binti Mohd Ghazali
Ainul Farhaan Binti Harun

Editor bahasa / Pruf
Norzira Binti Ahmad
Norhafizah Binti Mohd Ghazali

Konsep dan *Layout* Buletin
Ainul Farhaan Binti Harun

DI SEBALIK TABIR ..

BULETIN AL-IRSYAD EDISI 9 | 2019

NORHAFIZAH MOHD GHAZALI

Ketua Editor | Pruf

"Ujian membina pengalaman hidup.. Sabar membina kekuatan jiwa"

NORZIRA BINTI AHMAD

Sub editor dan pruf

" Sabar itu tenang ... tenang itu menang"

AINUL FARHAAN BINTI HARUN

Pereka layout dan muka hadapan Buletin Al - Irsyad | Editor Bahasa

" Ujian hidup kita berbeza, sabar dan terus tersenyum "

Kupasan Menarik ...

INDAHNYA SIFAT SABAR

JAMILAH BINTI ISMAIL, PENSYARAH UTAMA

Sifat sabar merangkumi kesabaran seorang hamba dalam melakukan ketaatan, melawan maksiat dan kesabaran menghadapi musibah. Penulis turut mengupas sifat sabar menurut Imam Al-Ghazali dalam konteks kehidupan seharian

MENDIDIK SABAR SEORANG IBU

ROSMAWATI BINTI RAZAK, PENSYARAH UPIM

SABAR .. satu perkataan yang mudah diungkap dengan perkataan, namun sukar untuk dipraktikkan. Mengapa sifat sabar ini sangat penting sehingga disebutkan sebanyak 90 kali dalam Al-Quran

HEBATNYA KALIMAH ISTIRJA'

HASMINUDDIN HASHIM, PENSYARAH KANAN

Setiap insan beriman tidak akan lari dari menghadapi ujian dan dugaan, Islam mendidik kita agar sentiasa bersangka baik dengan Allah, ungkapan Innalillahi wainna ilaihirajiun adalah tanda kita menerima ujian dengan penuh kesabaran ....

INDAHNYA SIFAT SABAR

DR. IZZAH NUR AIDA BT. ZURRAFFAR
PENSYARAH UITM REMBAU, NEGERI SEMBILAN

Para penuntut ilmu seharusnya menjaga hubungan dengan Allah dan sesama insan, ilmu itu adalah cahaya yang seharusnya akan melekat pada jiwa yang bersih dan murni. Lazimi malam dengan tahajud dan zikir agar berjaya bukan hanya di dunia malah di negeri abadi

'MANISNYA' SEBUAH UJIAN

ZURAIHA BINTI MOHD ZAIN, KETUA KURSUS UPIM

Saat kita menempuh ujian yang mendatang, harus terus positif dan sentiasa saling sokong - menyokong. Allah datangkan ujian untuk mendidik jiwa hamba agar terus bersujud dan menadah tangan memohon pertolongan. Sesungguhnya tiada suatu kuasa pun yang mampu melawan kehebatan Maha Esa.

SABAR ITU INDAH, UJIAN ITU ANUGERAH

NORHAFIZAH BINTI MOHD GHAZALI, PENSYARAH UPIM

Saat kita diuji dengan pelbagai cabaran kehidupan, berpeganglah kepada keyakinan bahawa sabar itu indah dan nilai kesabaran itu sangat mahal harganya.



Indahnya Sifat S.A.B.A.R

Jamilah Binti Ismail

Ujian dan kesabaran itu sangat sinonim: "Apakah manusia menyangka mereka dibiarkan mendakwa beriman sedangkan mereka belum diuji (bagi membuktikan keimanan mereka)."

Imam Al-Ghazali di dalam kitab Ihya Ulumuddin membahagikan sabar kepada 3 bahagian, iaitu:

1. SABAR MELAKUKAN KETAATAN

Istiqamah dalam perintah dan larangan Allah SWT. Firman-Nya di dalam surah Luqman ayat 17 yang bermaksud: ***"Wahai anakku dirikanlah sembahyang, suruhlah kepada kebaikan, tegahlah kemungkaran dan bersabarlah atas apa yang menimpa kamu...".***

2. SABAR MELAWAN MAKSIAT

Berjuang menolak tarikan kejahatan melalui hawa nafsu dan godaan syaitan. Allah SWT berfirman dalam surah al-Nazi'at, ayat 40-41 yang bermaksud ***"Sesiapa yang takut keagungan Tuhannya dan dia menahan hawa nafsunya sesungguhnya syurgalah tempat kediamannya".***

3. SABAR MENGHADAPI MUSIBAH

Dunia sebagai tempat Allah SWT menguji iman hamba-Nya dengan berbagai bentuk musibah bagi membezakan yang berkualiti dengan tidak.

Maksud firman Allah SWT di dalam surah al-Ankabut ayat 1-2 yang bermaksud ***"Apakah manusia menyangka mereka dibiarkan mendakwa beriman sedangkan mereka belum diuji (bagi membuktikan keimanan mereka)."***

Terdetik di minda, bagaimanakah pesanan indah lagi berhikmah dapat kita aplikasikan dalam kehidupan sebagai ibu dan bapa?. Gelaran ibu mahupun bapa adalah satu anugerah bermakna yang Allah kurniakan buat hamba- Nya, kerana tidak semua insan diberi peluang untuk menggalas amanah tersebut.

Sejauh manakah kita mempersiapkan diri dengan kesabaran dalam mendidik mereka?

Doa itu senjata mukmin, mohonlah agar diberi kesabaran . . .

“Barang siapa yang menyabar-nyabarkan diri (berusaha bersabar), maka Allah akan menjadikannya orang yang sabar...” (Riwayat al-Bukhari no. 1469)

Oleh itu sebagai ibu dan bapa yang mendidik anak perlu sentiasa sematkan kesabaran yang tinggi dalam diri, Yakinlah dengan izin Allah SWT berkat kesabaran mendidik, membimbang anak-anak akan menjadikan insan yang cemerlang di dunia dan akhirat.

Jadikan diri sebagai contoh terbaik buat anak. Ajarkan mereka tentang solat, Lazimi bacaan al-Quran, rukun iman dan juga rukun Islam yang asas di dalam kehidupan dengan penuh dugaan yang bisa menggoyahkan kesabaran.. Selain itu, ajari juga anak doa-doa harian, adab dan akhlak yang terpuji. Sebagaimana dinukilkan dalam al-Quran pesanan hikmah Luqman Al-Hakim kepada anaknya.

Pesanan dititipkan ini dapat dijadikan panduan dalam mendidik diri dan anak-anak memupuk sifat sabar, Insya Allah...

1. Sentiasa berusaha dan melatih diri untuk bersifat sabar sesuai dengan hadis.

"Barang siapa yang menyabar-nyabarkan diri (berusaha bersabar), maka Allah akan menjadikannya orang yang sabar...” (Riwayat al-Bukhari no. 1469)

2. Memohon doa.

Berdoa merupakan salah satu cara yang boleh dilakukan untuk mengatasi kesabaran di dalam diri kita, Biasanya ketika berdoa akan melenyapkan perasaan marah, kecewa, kesal kerana berdoa adalah kebergantungan sepenuhnya hanya kepada Allah SWT. Doa seorang ibu kepada anaknya juga perlu dilakukan supaya mengkehendaki apa yang kita inginkan. Kita percaya bahawa Tuhan sentiasa berada dekat dengan kita.

3. Berikan pelukan atau ciuman.

Seboleh mungkin cuba elakkan diri dari memukul. Alihkan memukul dengan memberikan pelukan dan ciuman kepada mereka. Ini merupakan cara melatih emosi anak-anak dengan rasa cinta dan rasa hormatnya kepada ibu bapanya. Cara pelukan dan nasihat lebih didengari berbanding dengan tengkingan mahupun amarah kita.

"Pelukan kasih sayang dan nasihat berhikmah lebih 'didengari' oleh anak - anak berbanding tengkingan dan amarah.."

4. Perbanyakkan Istighfar.

Jika kita di dalam keadaan marah jangan lagi berinteraksi dengan anak-anak. Kawal diri dengan diam sejenak, istigfar dan tinggalkan anak seketika. Setelah emosi kita juga terkawal bolehlah kita berinteraksi dengan mereka. Sementara itu amalan zikir juga membuat hati dan jiwa kita tenang dan mantap, dan kadar kebergantungan kepada Allah sangat tinggi.

5. Berfikiran positif.

Para cerdik pandai berkata bahawa fikiran yang positif akan melenyapkan perasaan negatif seperti dengki, iri hati terhadap kelebihan orang lain. Fikiran positif ini juga akan mempengaruhi kehidupan kita seharian kerana fikiran yang positif akan menghasilkan kejayaan, ketenangan jiwa dan kesabaran yang tinggi. Fikiran yang positif juga akan selalu menjadikan anak-anak bersikap optimis dan idea yang kreatif.

6. Berikan pujian kepada anak-anak.

Pujian dan penghargaan terhadap usaha anak akan mendidik jiwa mereka menjadi orang baik dan seterusnya menjadi manusia yang sabar. Memberikan pujian terhadap sesuatu perbuatan baik yang dilakukan oleh anak-anak kerana naluri anak-anak amat berbahagia jika mendapat pujian dari ibu bapa, malah mampu menyuburkan jiwa yang lembut dan aman dalam diri mereka.

Itulah sebahagian dari cara dalam usaha menjadi ibu yang sabar, sekaligus membentuk anak-anak yang positif dan penuh dengan hikmah.

Maka bersabarlah (wahai Muhammad) terhadap ejekan golongan yang kafir itu, dengan cara kesabaran yang sebaik-baiknya.

(Surah Al- Maa'rij: 5)

Hebatnya kalimah istirja'

Hasminuddin Hashim

إنا لله وإنا اليه راجعون

Merupakan ungkapan yang diajar oleh Islam kepada umatnya. Inilah ucapan orang yang sabar dalam menerima ujian dan dugaan dari Allah.

Kehidupan manusia di dunia ini tidak pernah sepi dari musibah. Musibah datang ada yang kecil ada yang besar. Tidak kira yang ringan atau yang berat. Tidak kurang yang sedikit hingga yang banyak. Ada juga musibah yang bersifat individu dan ada yang bersifat umum.

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat musibah ialah 1. bencana, celaka, malapetaka: janganlah kamu mencari ~ dan bahaya bagi dirimu sendiri; 2. kata makian, celaka, sial: ah, ~ betul mereka itu.

Sabda Rasulululllah:

ما يصيب المسلم من وصب ولا نصب ولا سقم ولا حزن حتي الهم يهمه إلا كفر من سيئاته

Maksudnya: **Tidak ada seorang muslim pun yang mengalami penderitaan, kepenatan, kesakitan, kesedihan dan kebimbangan yang merunsingkannya melainkan dihapuskan sebahagian kejahatannya** (Riwayat al-Bukhari no. 5641)

Firman Allah dalam surah Al-Baqarah ayat 156:

ٱلَّذِينَ إِذَآ أَصَٰبَتۡهُم مُّصِيبَةٞ قَالُوٓاْ إِنَّا لِلَّهِ وَإِنَّآ إِلَيۡهِ رَٰجِعُونَ ١٥٦

(laitu) orang-orang yang apabila mereka ditimpa oleh sesuatu kesusahan, mereka berkata: “Sesungguhnya kami adalah kepunyaan Allah dan kepada Allah jualah kami kembali.”

Makna Istirja'

Istirja' merupakan ungkapan umat Islam apabila seseorang tertimpa musibah dan biasanya diucapkan apabila menerima berita yang mendukacitakan seseorang.

Ucapan Istirja': Ianya terdapat dalam surah Al-Baqarah ayat 156:

إنا لله وإنا اليه راجعون

Ucapan tersebut merupakan berita gembira dengan kesudahan baik dalam urusan. Inilah ucapan orang-orang sabar yang akan dianugerahkan pahala tanpa sebarang perkiraan dan kesalahan-kesalahan mereka akan diampunkan Allah.

Istirja' juga sebagai satu pengiktirafan kita sebagai manusia bukanlah pemilik hakiki segala yang kita sayang adalah hak milik Allah.

Kita redha atas segala yang Allah tentukan kerana kita nyatakan kita hak milik Allah dan kepada Allah kita akan dikembalikan.

Kehebatan kalimah istirja'

Islam amat menganjurkan kepada umatnya untuk menerima sebarang ujian dan cabaran dalam kehidupan dengan positif. Kalimah istirja' (Innalillahi wainna ilaihi rajiun) merupakan 'ubat penenang' kepada jiwa yang sedang dilanda musibah dan dugaan.

Dilimpahi kebaikan

Akan dilimpahi dengan pelbagai kebaikan. Firman Allah yang bermaksud: Mereka itu ialah orang-orang yang dilimpahi dengan berbagai-bagai kebaikan dari Tuhan mereka serta rahmat-Nya.

Mendapat petunjuk dan hidayah

Mendapat petunjuk dari Allah. Firman Allah dalam surah al-Baqarah ayat 157 yang bermaksud: ***"...dan mereka itulah orang-orang yang dapat petunjuk hidayah-Nya".***

Mendidik jiwa hamba

Menurut Imam Al Baidhawi lafaz istirja' apabila ditimpa musibah hendaklah diucapkan dengan lidah dan hati dan ianya membayangkan segala yang diciptakan Allah untuknya. Bahawa suatu hari kelak ia akan kembali kepada Allah, dan ia ingat nikmat Allah untuk diperlihatkan gandaan pahala dengan dia menghinakan dirinya dan menyerahkan urusannya pada Allah.

Amalan dan sunnah nabi

Merupakan sunnah nabi yang diajar kepada Ummu Salamah selepas kematian suaminya. Kata Ummu Salamah Aku mendengar Rasulullah bersabda:

ما من عبد تصيبه مصيبة فيقول : إنا
لله وإنا اليه راجعون اللهم أجرني في مصيبتي واخلفني
خيرا منها : إلا أجره الله في
مصيبته وخلف له خيرا منها

Maksudnya: **Tiada seseorang hamba yang ditimpa musibah lalu berkata: Sesungguhnya kami adalah kepunyaan Allah dan kepada Allah jualah kami kembali, Ya Allah Ya Tuhanku kurniakanlah pahala dalam musibahku dan gantikanlah sesuatu yang lebih baik daripadanya.** (Riwayat Muslim no. 918)

Bagaimana menghadapi ujian dan musibah?

Bersabar ketika diuji dan redha dengan ketentuan qada' dan qadar Allah.

Sentiasa memohon ganjaran dan pahala daripada Allah dan meletakkan penuh pengharapan pada Allah.

Yakin bahawa Allah akan menggantikan dengan suatu yang lebih baik di dunia dan menganugerahkan kelebihan untuknya di dunia dan di akhirat.

Yakin bahawa Allah akan menyempurnakan nikmat yang besar dan kelebihan yang paling Agung iaitu akan diampunkan dosanya, dimasukkan ke dalam syurga dan ditempatkan di Bayt al-Hamd.

Yakin bahawa hanya Allah akan memberi bantuan, pengawasan, pemeliharaan dan pembelaan dengan permohonannya kepada Allah.

Kata Al-Samarqandi: Musibah paling besar ialah musibah yang berlaku pada agama. Sabda Rasulullah yang bermaksud: Apabila suatu musibah menimpa seseorang dalam kalangan anda, hendaklah ia mengingati musibah kehilanganku. Sesungguhnya musibah kehilanganku adalah musibah terbesar.

Rujukan : 1. Al Quran : Karya Bistari
2. Tafsir Al Munir : Juzuk 2 Terbitan Intel Mulmedia
3. Tafsir Al Baidhawi
4. Hadis
5. Kamus Dewan Edisi Keempat.

MENDIDIK SABAR ADALAH SEBUAH PERJALANAN TANPA HENTI



MENDIDIK SABAR SEORANG IBU

ROSMAWATI RAZAK

Sabar. Perkataan yang mudah diungkap namun amat sukar untuk dipraktikkan. Kenapa sabar begitu penting dalam hidup manusia terutamanya bagi seorang muslim dan mukmin? Apakah keistimewaan sifat sabar sehingga Al-Quran menyebutnya sebanyak 90 kali? (Imam Al-Ghazali mengatakan 74 kali).

HAKIKAT SABAR

Apa itu sabar? Daripada sudut bahasa, sabar bermaksud menahan dan mencegah. Sabar juga dikatakan boleh membawa maksud gelisah dan bimbang.

Di dalam Al-Quran, sabar bermaksud menahan jiwa daripada sesuatu yang dibenci bagi mendapat keredhaan Allah SWT seperti yang dinyatakan di dalam surah Al-Ra'd ayat 22: ***"Orang-orang yang bersabar kerana mengharapkan keredhaan Tuhan mereka semata-mata..."***

Orang yang beriman pasti meyakini bahawa kehidupan ini pasti akan diuji. Namun ujian yang diberikan Allah boleh datang dalam pelbagai bentuk. Ujian kesakitan, ujian perasaan, ujian nikmat, ujian kekurangan dan sebagainya. Maka sifat sabarlah yang akan menjadi benteng untuk kesemua ujian ini.

PEMBAHAGIAN SIFAT SABAR

Menurut Al-Qaradhawi, terdapat banyak pembahagian bagi sifat sabar. Antaranya ialah:

Syaja'ah

Sabar ketika peperangan. Ia dinamakan *syaja'ah* iaitu berani. Lawannya pengecut.

Hilm

Sabar ketika marah atau dendam. Ia dinamakan *hilm* iaitu lemah lembut. Lawannya rungutan.

Zuhud

Sabar menghadapi kelebihan hidup. Ia dinamakan *zuhud*. Lawannya tamak.

Qana'ah

Sabar menghadapi kekurangan hidup. Ia dinamakan *qana'ah* iaitu sentiasa berasa cukup. Lawannya rakus.

Sabar ditimpa musibah. Lawannya adalah keluh kesah dan bimbang.

Oleh sebab itu, apabila Nabi SAW ditanya tentang iman, baginda menjawab **"Iman adalah sabar".** Ini kerana banyak amalan dan mujahadah yang diperlukan untuk memiliki sifat sabar.

Titipan pengajaran

1- Setiap mukmin yang sempurna imannya akan sentiasa bersyukur dan merasakan setiap urusannya adalah baik.

2- Seseorang yang tidak beriman hatinya akan sentiasa keluh kesah, jiwa selalu meronta dan terseksa. Hati sentiasa dipenuhi perasaan hasad dengki, kemarahan dan memberontak. Tidak redha walaupun telah mendapat nikmat yang pelbagai disebabkan ujian yang sedikit.

3- Pentingnya sifat syukur apabila seseorang mendapat kebaikan dan bersabar apabila menghadapi sebarang bentuk ujian. Sesungguhnya sifat syukur dan sabar itu adalah sebaik-baik nikmat yang dianugerahkan oleh Allah SWT kepada hamba-hamba-Nya yang dikasihi.

BAGAIMANA MENDIDIK SABAR DENGAN ANAK?

"Khadijah, cepat kemaskan mainan ni! Kan ibu dah cakap... mainan jangan sepah-sepah.." Si kecil Hannah yang berusia 4 tahun terkebil-kebil mendengar leteran ibunya. Si ibu pula stress dengan anaknya yang selalu sepahkan barang-barang mainan. Terus berleter panjang. Satu bab ke satu bab.

Nabi Muhammad SAW pernah bersabda:
Daripada Shuhaib RA berkata, Rasulullah SAW bersabda: "Amat menakjubkan urusan seorang mukmin kerana setiap urusannya adalah baik dan itu tidak akan berlaku kepada seorang pun kecuali kepada seorang mukmin (yang sempurna keimanannya). Jika dia mendapat sesuatu yang mengembirakan dia bersyukur, maka itu adalah kebaikan baginya. Jika dia ditimpa kesusahan dia bersabar, maka itu adalah kebaikan baginya."
(Hadith riwayat Muslim, No.Hadith : 2999)

"Rasulullah SAW menitipkan pesan bahawa sekiranya kamu tahu bahawa apa yang kamu dapat di akhirat kelak lebih besar daripada kesusahan yang kamu rasai di dunia maka sudah pasti kamu akan meminta kesusahan itu untuk selama-lamanya".

Hakikatnya leteran itu bukan kerana mainan yang bersepah itu, Tetapi keletihan dirinya yang menguruskan anak-anak sendirian dan terpaksa berjauhan dengan suami atas tuntutan kerja. Telah berkali si ibu memohon pindah untuk tinggal bersama-sama suaminya. Namun permohonannya tidak pernah berjaya.

Duhai si ibu! Bersabarlah. Bukankah baginda Rasulullah SAW memberitahu bahawa sekiranya kamu tahu bahawa apa yang kamu dapat di akhirat kelak lebih besar daripada kesusahan yang kamu rasai di dunia maka sudah pasti kamu akan meminta kesusahan itu untuk selama-lamanya.

BERSABAR SAAT DOA BELUM DIMAKBULKAN

Menurut Habib Ali Zaenal Abidin Al-Hamid, Imam Ali bin Muhammad bin Hasan Al-Habsyi pernah berkata "Andai permintaan kamu pada Allah SWT tidak kunjung tiba maka hendaklah kamu merasa selesa kerana apa yang disimpan oleh Allah itu mungkin itulah yang terbaik untuk kamu.

Dengan kamu tidak diberi apa yang kamu minta, tersimpan segala rahsia yang terbesar apa yang Allah ingin berikan kepada kamu kelak andainya kamu redha. Kerana sifat redha itu adalah sifat orang yang kembali kepada Allah. Namun andainya di dalam hati kamu bermain dengan perasaan buruk sangka kepada Allah,. telah banyak aku solat.. telah banyak aku berqiyamullail.. telah banyak aku infaq.. telah banyak aku berbuat baik.. maka bangkitlah kamu daripada kelalaian kamu sendiri dan tetaplah berdiri di pintu harapan dan sentiasalah berharap yang lebih besar daripada Allah SWT"

Sesungguhnya peringatan ini amat perlu untuk bekalan seorang ibu atau bapa dalam mendidik anak-anak. Ia dapat menjadi penawar ketika duka, pengingat ketika lupa dan pengubat ketika derita.

TIPS MENJADI IBU YANG SABAR

1- Anak amanah Allah

Sematkan dalam hati bahawa anak adalah amanah daripada Allah SWT. Anak adalah saham syurga untuk ibu bapa. Justeru, apa juga karenah mereka, hadapilah dengan penuh tanggungjawab dan sabar.

TIPS MENYEMAI SIFAT

S.A.B.A.R

2- Didik anak seiring usia mereka

Didik anak berdasarkan tahap kemampuan umur dan akal mereka. Kadangkala ibu bapa melayan anak-anak kecil seolah-olah mereka sudah dewasa. Memahami segala-galanya.

3- Gembira dan positif

Tanamkan kegembiraan dalam mendidik anak-anak. Betapa ramai insan-insan yang telah lama mendirikan rumahtangga namun belum direzekikan zuriat kepada mereka. Bayangkan hidup tanpa gelak tawa anak-anak. Pasti suram dan sunyi.

4- Kenali fitrah mereka

Kenali fitrah anak-anak. Contohnya anak kecil menangis. Mereka berkomunikasi dengan apa yang dirasainya. Mungkin mereka lapar, mengantuk dan sebagainya. Maka penuhilah fitrah tersebut.

5- Santuni mereka sebaikya

Santuni anak-anak ketika berkomunikasi dengan mereka. Gunakan bahasa yang berhemah walaupun sedang marah. Cubalah sedaya upaya untuk mengelakkan bahasa-bahasa yang tidak sepatutnya kerana apa yang keluar dari mulut ibu itu adalah satu doa.

6- Lazimi istigfar & taawwuz

Banyakkan istighfar dan taawwuz supaya dijauhkan diri daripada syaitan dalam mendidik anak-anak. Hasutan syaitan boleh menyebabkan hilang kewarasan akal. Sesungguhnya tiada sabar andai masih ada batasnya, tiada redha andai masih ada keluh kesahnya.

7- Mohon kepada Allah

Mohon pertolongan daripada Allah SWT dalam setiap urusan kita dalam mendidik anak-anak. Sesungguhnya Allah SWT itu pasti memakbulkan segala permohonan hamba-Nya. Yakinlah hati manusia adalah di dalam genggaman Allah SWT. Begitu jugalah hati dengan anak-anak. Perbanyakkan zikir dengan menyebut 'Ya Latif' dan sebagainya supaya anak-anak mudah mendengar kata.

Kesimpulannya, dalam mendidik anak-anak, ibu bapa perlu tahu bahawa kadangkala anak-anak gagal menurut kata, namun mereka tidak pernah gagal memerhati apa yang kita lakukan. Oleh itu, apa yang lebih penting bagi ibubapa adalah menjadi contoh teladan yang baik untuk anak-anak. Justeru, bersabarlah wahai ayah dan ibu dalam mendidik anak-anak! Sesungguhnya sabar itu disukai Tuhan dan anak kunci untuk ke syurga.

"IBU BAPA PERLU SEDAR WALAUPUN KADANG KALA ANAK-ANAK GAGAL MENURUT KATA, TETAPI MEREKA TIDAK PERNAH GAGAL MEMERHATI"

RUJUKAN

Al-Qaradhawi. 2013. *Mukjizat Sabar Dalam Al Quran.* PTS Publications & Distributors Sdn. Bhd. Kuala Lumpur.

Hadith riwayat Muslim, No.Hadith : 2999

http://www.islam.gov.my/e-hadith/1278-syukur-dan-sabar-dengan-ujian

Isfadiah Mohd Dasuki. 2016. *365 Tip Didik Anak Gaya Nabi.* PTS Publications & Distributors Sdn. Bhd. Kuala Lumpur

Ujian rencah kehidupan

ia umpama pelbagai rasa, yang akan memberi warna dalam kehidupan setiap insan

MENGHADAPI UJIAN DALAM MENUNTUT ILMU

Dr. Izzah Nur Aida binti Zur Raffar

"Bacalah (wahai Muhammad)
dengan nama Tuhanmu yang menciptakan (sekalian makhluk).
Ia menciptakan manusia
dari sebuku darah beku. Bacalah, dan Tuhanmu Yang Maha Pemurah. Yang mengajar
manusia melalui pena dan tulisan. Ia mengajarkan manusia apa yang tidak
diketahuinya". (Surah Al-Alaq: 1-5)

ISLAM MEMARTABATKAN ILMU

Ilmu dan pendidikan adalah asas bagi pembangunan minda. Kedudukan dan tingkatan ilmu adalah sangat penting dalam Islam sehingga ia telah diterapkan awal sejak wahyu pertama yang diturunkan kepada Nabi Muhammad SAW. Aspek bacaan (iqra') dalam wahyu pertama banyak merujuk kepada perkembangan dan metode mendapatkan ilmu (Udah Mohsin 2010)

ILMU DAN KEIMANAN

Menurut Jawiah Dakir (2000) dan Mawardi (1997), ayat di atas ini menerangkan tentang ilmu di mana konsep ilmu yang utama dan dituntut adalah ilmu yang disertakan dengan keimanan kepada Allah SWT. Ibn Hajar al-Asqalaniy (1986) juga menjelaskan bahawa ilmu yang dimaksudkan adalah ilmu syar'i atau ilmu agama yang membantu seseorang untuk mengetahui apa yang diwajibkan keatasnya sebagai mukalaf merangkumi ilmu ibadah, muamalah, ilmu tentang Allah SWT dan sifat-sifat-Nya serta segala yang wajib diimani dan diyakini. Islam menekankan kepentingan ilmu dalam kehidupan kerana melalui ilmu yang diperoleh, orang beriman akan sedar akan kedudukan dan tanggungjawab mereka sebagai hamba Allah SWT dan khalifah di muka bumi. Kepentingan ilmu dalam Islam kemudiannya disusuli dengan gesaan dan tuntutan untuk mencari ilmu dan mengamalkannya.

Sabda Rasulullah SAW yang bermaksud: **"Barangsiapa yang menempuh satu jalan untuk menuntut ilmu, maka Allah SWT akan memudahkan baginya jalan untuk ke syurga"** (Riwayat Muslim no. 4867).

"ADAKAH SAMA ORANG-ORANG YANG MENGETAHUI DENGAN ORANG-ORANG YANG TIDAK MENGETAHUI?"

(Surah az-Zumar: 9)

Ilmu juga mampu membawa manusia lebih dekat kepada Tuhan-Nya dimana darjah orang yang berilmu adalah amat tinggi di sisi Allah SWT (Al-Ghazali, 2000)

Selain itu, dengan ilmu juga mampu membawa manusia lebih dekat kepada Tuhan-Nya dimana darjah orang yang berilmu adalah amat tinggi di sisi Allah SWT (al-Ghazali, 2000) sebagaimana firman Allah SWT dalam surah Ali 'Imran ayat 18 yang bermaksud: ***"Allah menerangkan (kepada sekalian makhluk-Nya dengan dalil-dalil dan bukti) bahawasanya tiada Tuhan (yang berhak disembah) melainkan Dia yang sentiasa mentadbirkan (seluruh alam) dengan keadilan dan malaikat-malaikat serta orang-orang yang berilmu (mengakui dan menegaskan juga yang demikian), tiada Tuhan (yang berhak disembah) melainkan Dia Yang Maha Kuasa lagi Maha Bijaksana".***

Bahkan, Allah SWT menjelaskan tanda kemuliaan, kejelasan dan ketinggian orang-orang berilmu yang membezakannya dengan manusia yang lain (al-Ghazali, 2000) sebagaimana dalam firman-Nya menerusi surah al-Zumar ayat 9 yang bermaksud: ***"...Adakah sama orang-orang yang mengetahui dengan orang-orang yang tidak mengetahui?..."***

Menurut Tafsir al-Misbah (2002), ayat ini menegaskan perbezaan sikap dan ganjaran yang akan diterima bagi orang-orang beriman. Allah SWT berfirman:
Apakah orang yang beribadah secara tekun dan tulus di waktu-waktu malam dalam keadaan suci dan berdiri secara mantap demikian juga yang rukuk dan duduk atau berbaring, terus-menerus takut kepada seksa akhirat dan senantiasa mengharapkan rahmat Tuhannya, adakah sama dengan mereka yang baru berdoa ketika mendapat musibah dan melupakan-Nya ketika memperoleh nikmat serta menjadikan bagi Allah SWT sekutu-sekutu?, tentu sahaja tidak sama.

Oleh yang demikian, jelaslah orang yang menuntut ilmu akan sentiasa dilimpahi dengan rahmat Ilahi dan mempunyai kedudukan yang mulia di sisi Allah SWT sebagaimana dinyatakan dalam al-Quran dan al-Hadis di atas. Namun demikian, sesuai dengan penghormatan yang diberikan di dunia mahupun di akhirat kelak, kebanyakan penuntut ilmu tidak akan terlepas dengan ujian bagi menguji sejauh mana ketelusan mereka di jalan ilmu ini.

Hakikatnya, setiap manusia akan diuji sama ada dalam bentuk kesakitan, ketakutan, kelaparan, kemiskinan, kematian, kemalangan dan sebagainya sebagaimana firman-Nya dalam surah al-Baqarah ayat 155 yang bermaksud: ***"Dan sungguh akan Kami berikan ujian kepadamu, dengan sedikit ketakutan, kelaparan, kekurangan harta, jiwa dan buah-buahan. Dan berikanlah berita gembira kepada orang-orang yang sabar".***

Walaubagaimanapun, setiap orang perlulah ingat bahawa Allah tidak akan menguji hambanya melainkan mengikut tahap kemampuannya untuk menghadapi ujian tersebut. Sebagai contoh, si A diuji dengan kematian ahli keluarga ditambah pula dengan kemiskinan keluarganya, manakala si B tidak diuji sedemikian, namun diuji dengan kesakitan dirinya sehingga tidak mampu belajar atau bekerja. Maka, ujian Allah SWT adalah sesuai dengan kondisi orang tersebut.

HANYA
ALLAH YANG MAHA MENGETAHUI PERKARA YANG MAMPU DITANGGUNG OLEH HAMBA-NYA. OLEH ITU, BERBAIK SANGKALAH KEPADA SEGALA ATURAN DAN KETETAPAN DARIPADA ALLAH SWT YANG MAHA PENYAYANG LAGI MAHA MENGASIHANI. BAGI MENGHADAPI UJIAN TERSEBUT, IA AMAT BERGANTUNG PADA KEKUATAN KEROHANIAN SESEORANG SEBAGAI SOLUSI UTAMA, NAMUN TIDAK DINAFIKAN FAKTOR PERSEKITARAN JUGA TURUT BERPERANAN MEMBANTU KETAHANAN JIWA MENGHADAPI UJIAN.

"Tenang saat diuji, kekal berpijak di bumi dan terus melangkah dengan yakin" ...

SABAR

Para penuntut ilmu haruslah mempunyai sifat sabar dalam meneruskan perjuangan menuntut ilmu mahupun menghadapi ujian-ujian tertentu dalam kehidupan. Antara perkara yang boleh ditanamkan dalam hati dan fikiran bahawa sudah pasti ada hikmah dan pelajaran yang mahu dikirimkan oleh Allah SWT di sebalik setiap ujian yang berlaku.

Selain itu, sifat sabar dapat dipupuk dengan cara mengimbau kembali perjuangan Rasulullah SAW dan para sahabat yang lebih berat diuji ketika mahu menyebarkan dakwah Islamiah tetapi masih terus menerus berjuang sehingga nyawa terakhir tanpa berputus asa dari rahmat dan pertolongan Allah SWT.

SOLAT & ZIKIR

Antara cara yang dapat membangkitkan rasa kekuatan dalam diri adalah menerusi ibadah solat. Dengan solat, manusia akan lebih hampir pergantungan dengan Allah SWT. Seperti firman Allah dalam surah al-Baqarah ayat 45 yang bermaksud: ***"Jadikanlah sabar dan solat sebagai penolongmu. Sesungguhnya yang demikian itu sungguh berat, kecuali bagi orang-orang yang khusyu".*** Di samping itu, menerusi amalan zikir juga dapat menguatkan rasa hati manusia agar lebih mengingati Allah SWT.

Sentiasa basahi lidah dengan istighfar, tasbih, tahmid, tahlil, takbir, selawat, doa-doa mathurat, asma ul husna jadikan juga ayat al-Quran sebagai zikir dan syifa' yang paling afdal kepada penuntut ilmu.

Rangkaian ibadah solat, doa dan bacaan al-Quran ini mampu membuatkan hati menjadi lebih tenang dengan hal-hal kehidupan kerana percaya bahawa Allah Maha Adil tidak akan membiarkan hamba-Nya sentiasa berada dalam kesempitan.

DEKATIKAN DIRI DENGAN ALLAH & SOLAT MALAM

Para penuntut ilmu boleh mempraktikkan solat malam seperti solat tahajjud, solat taubat, solat hajat, solat istikharah dan sebagainya demi mendapatkan bantuan Allah SWT seterusnya mendapatkan ketenangan dalam ujian yang dihadapi. Dalam hal ini, Rasulullah SAW menjelaskan bahawa **"Di malam hari terdapat suatu waktu yang tidaklah seorang muslim memanjatkan doa pada Allah berkaitan dengan dunia dan akhiratnya bertepatan dengan waktu tersebut melainkan Allah akan memberikan apa yang ia minta. Hal ini berlaku setiap malamnya."** (Riwayat Muslim no. 757).

Selain itu, Rasulullah SAW menyebutkan tentang kelebihan solat malam dengan sabdanya **"Kerjakanlah solat malam sebab itu adalah kebiasaan orang soleh sebelum kamu, juga suatu jalan untuk mendekatkan diri kepada Tuhanmu, juga sebagai penebus segala amalan buruk, pencegah dari perbuatan dosa dan dapat menghalangi penyakit dari badan".** (Riwayat Tirmizi no. 3618).

PELIHARA HUBUNGAN SESAMA INSAN

Ibu bapa adalah orang yang paling dihormati dan keramat yang wajar dituruti. Dengan sokongan dan doa mereka, penuntut ilmu berjaya mengharungi segala cabaran dan halangan yang mungkin berlaku. Oleh yang demikian, penuntut ilmu haruslah sentiasa cermat dalam menjaga hubungan dengan ibu bapa kerana kekuatan doa ibu bapa terhadap anak-anak amatlah afdal di sisi Allah SWT. Begitu juga dengan rakan-rakan yang sama-sama berjuang menuntut ilmu memerlukan sokongan dan saling membantu antara satu sama lain. Sekiranya seorang ditimpa ujian, sahabat yang lain memberi dorongan dan boleh menjadi pendengar setia jika diperlukan. Jelaslah, peranan sahabat dalam perjuangan menuntut ilmu amatlah besar.

UJIAN KEKURANGAN ATAU KESEDIHAN HANYALAH SECEBIS JIKA DIBANDINGKAN DENGAN NIKMAT & RAHMAT ALLAH BUAT KITA , TERUSKAN POSITIF



BERSYUKUR DAN TAWAKAL

Para penuntut ilmu juga haruslah sentiasa bersyukur kepada Allah SWT kerana dengan sikap sedemikian, Allah SWT akan menambah nikmat dan kurniaan-Nya kepada hamba-Nya sebagaimana dinyatakan dalam surah Ibrahim ayat 7 yang bermaksud ***"Dan (ingatlah), tatkala Tuhanmu memaklumkan: Sesungguhnya jika kamu bersyukur, pasti Kami akan menambah (nikmat) kepadamu, dan jika kamu mengingkari (nikmat-Ku), Maka Sesungguhnya azab-Ku sangat pedih".***

Antara pedoman yang boleh dipasakkan dalam hati dan fikiran seperti Allah SWT telah mengurniakan pelbagai nikmat dan kurniaan-Nya yang besar sebelum ini, namun baru sekali diuji dengan kekurangan atau kesedihan, tegarkah seseorang menafikan segala nikmat sebelum ini. Dengan bersyukur, hati lebih menjadi tenang dan redha. Akhirnya, ia akan membuahkan hasil pergantungan atau tawakal manusia kepada Allah. Hanya kepada Allah SWT segala urusan dikembalikan yang Maha Mengetahui yang terbaik buat hamba-hamba-Nya.

Rujukan:

al-Asqalaniy, Ali Ibn Hajar. 1986. Fath al-Bari bi Syarh Sahih al-Bukhari. Kaherah: Dar al-Diyan.

al-Ghazali, Abu Hamid, Muhammad Bin Ahmad. 2000. Ihya' Ulum al-Din. Kaherah: Dar al Taqwa li al-Thurath.

Jawiah Dakir.2000. Islam dan Pembangunan Insan. Bangi: UKM.

M. Quraish Shihab. 2002. Tafsir al-Misbah: Pesan, Kesan dan Keserasian al-Quran. Jakarta: Lentera Hati.

Mawardi. 1997. Pengamalan Iman dan Taqwa Menurut al-Quran. Indonesia: Wala' Press.

Udah Mohsin. 2010. Syarah Sahih al-Bukhari.Bangi: Fakulti Pengajian Islam, UKM.

'MANISNYA' SEBUAH UJIAN

Zuraiha Binti Mohd Zain

Setiap malam mimpi buruk yang sama berulang-ulang menjengah tidur sang suami. Aku alpa dan leka dengan tugasan yang menimpa-nimpa di pejabat. Aku terlupa rungutannya tentang mimpi-mimpi buruk di malam hari... masa berlalu setelah beberapa bulan, dia mengalami panas badan, batuk-batuk, tidak dapat tidur di waktu malam, perut tak dapat terima makanan. Apa saja yang dimakan pasti akan dimuntahkan semula, adakalanya keluar darah merah, hinggakan berat badannya turun mendadak. Rupanya Allah dah bagi *'signal'*... Sungguh aku tidak sengaja.

Positif mendepani ujian

Akhirnya aku menghubungi seorang sahabat di sebuah daerah terpencil minta bantuan. Kami dibawa ke sebuah pondok lama. Katanya ustaz di situ boleh mengubati pesakit seperti yang dialami suamiku. Tiba hari yang dijanjikan kami bertemu dengan ustaz tersebut. Orangnya begitu tawaduk. Alhamdulillah, kami dimotivasi dulu sebelum dimulakan perubatan. Benarlah Allah menguji manusia dengan pelbagai cara. Semuanya sudah tertulis. kita perlu mencari penawar bagi penyakit.

Mendekatkan diri dengan Allah

Jangan sesekali mengeluh, sentiasa bersyukur. Allah pilih kita untuk diuji tidak bermakna Allah tak sayangkan kita. Malahan sakit membuatkan kita makin dekat dengan-NYA. Kadang-kadang ujian datang kerana kita leka dengan nikmat sihat. Dia berpesan amalan zikir dan solat sunat hajat, tahajjud adalah penawar mujarab.

Berat bahu yang memikul..

Masa pantas berlari, amalan yang diajar terus diamalkan, namun kesakitan terus menghimpit tanpa berkurangan. Wajah suamiku semakin berubah warna kehitaman tiada seri, kadangkala kulihat seperti mayat, bibir pucat lesi.. badan kurus kering tidak bermaya melakukan sebarang pekerjaan. Serangan paling teruk apabila tiba waktu asar hingga maghrib dan saat hampir subuh. Aku berusaha memujuk untuk terus berubat di mana sahaja pusat rawatan Islam yang ada di tempat tinggal kami.

Tipu daya syaitan buat manusia

Suatu hari Allah temukan kami dengan pengamal perubatan Islam Kor Agama Angkatan Tentera (KAGAT) jauh dari daerah kami. Hasil rawatan beliau kami mengetahui punca penyakit suamiku. Rupanya permainan syaitan.. Serpihan kaca, rambut, pasir halus, benang keluar dari celahan tapak kaki dan anggota badan yang lain. Aku bagaikan tidak percaya, tapi semuanya di depan mata. Inilah hasil kekejaman manusia yang bertuhankan syaitan. Tidak redha dengan takdir Allah. Sifat hasad dengki, irihati dan berdendam sehingga sanggup lakukan apa saja asalkan puas hati sendiri walaupun sehingga mengorbankan nyawa orang lain. *Astaghfirullah.....*

Pengorbanan

Kami mengambil keputusan untuk berjauhan sementara proses rawatan dijalankan. Aku tidak dapat menemani suami sehari-hari di rumah kerana terpaksa bekerja. Dia pulang ke rumah orang tuanya. Kebetulan pusat rawatan tersebut hampir dengan tempat tinggal mertuaku. Alhamdulillah berkat kesabaran, tidak berputus asa dan doa orang teraniaya, akhirnya suamiku kembali pulih sedikit demi sedikit dengan izin-Nya jua...

Berkat sebuah kesabaran

Aku bersyukur melihat tahap kesihatannya kini, jauh lebih elok berbanding dulu. Rawatan masih lagi diteruskan kerana kesan sihir masih berbekas. Kini hampir setahun lebih masa berlalu. Kami terpaksa hidup berasingan. Aku tidak pernah sekali pun lupa peristiwa hitam ini. Aku terpaksa menjual rumah dan berpindah-randah ke merata tempat untuk mengelak daripada diganggu atau dijejaki oleh manusia yang bertopengkan syaitan. Siapapun dia, aku terus berdoa semoga diberi hidayah kembali ke pangkal jalan.

Ujian terhebat

Pergantunganku hanya pada Yang Maha Esa. Bagiku inilah ujian terhebat yang pernah aku lalui selama hayatku. Aku pasrah dengan takdir yang Allah tetapkan. Perancanganku untuk terus berkhidmat di bumi Perlis selagi diperlukan terpaksa dilontar jauh-jauh. Allah sebaik-baik perancang. Aku terus mengharap suatu hari nanti kami sekeluarga dapat bersatu semula.

Hikmah dan muhasabah

Satu demi satu hikmah tersembunyi aku rasai. Allah mengajar kita dengan ujian agar muhasabah diri. Bagaimana kita akan mendapat pahala sabar, redha, pemaaf, syukur, jika langsung tidak menerima ujian-NYA? Penyakit adalah penghapus dosa. Banyakkan bersedekah untuk menghindari diri dari perkara buruk. Amalan zikir dan bacaan ayat-ayat suci Al-Quran merupakan pendinding diri serta penyembuh segala penyakit. Solat berjemaah mengikat hubungan kekeluargaan. Allah adalah tempat bergantung ketika susah mahupun senang. Doa merupakan senjata orang-orang beriman. Al-Quran juga mengajar kita ketika di dalam kesusahan dengan berdoa. Allah berfirman: ***"Iaitu orang-orang yang apabila mereka ditimpa musibah, mereka berkata: 'Sesungguhnya kami adalah milik Allah dan kepada- Nya juga kami kembali."*** (Surah al-Baqarah: 156)

Allah mengingatkan: ***"...Dan (ingatlah), sesiapa yang berserah diri bulat-bulat kepada Allah, maka Allah cukuplah baginya (untuk menolong dan menyelamatkannya)..."*** (Surah al-Talaq: 3)

Terus bersyukur

Menyaksikan musibah orang lain yang lebih berat meringankan bebanan psikologi kita. Teruskan bersyukur dan mencari kebahagiaan dengan apa yang kita ada walaupun musibah menimpa diri. ***"Sesiapa yang beramal soleh daripada lelaki atau perempuan, sedang ia beriman, maka sesungguhnya Kami akan menghidupkan dia dengan kehidupan yang baik; dan sesungguhnya Kami akan membalas mereka dengan memberikan pahala yang lebih daripada yang mereka telah kerjakan."*** (Surah al-Nahl: 97)

Tanam sifat kehambaan

Secara hakikatnya, kita adalah hamba Allah dan selayaknya diuji. Jika kita sentiasa ingat hakikat ini, hati akan menjadi tenteram. ***"Apakah manusia mengira bahawa mereka akan dibiarkan mengatakan kami telah beriman, sedang mereka belum diuji?"*** (Surah Al-Ankabut: 2)

Jangan memberontak, kerana ia akan menyulitkan lagi kehidupan kita seterusnya... Semoga perkongsian kali ini menjadi teladan kepada semua pembaca. Terima kasih atas sokongan keluarga, sahabat seperjuangan dan sesiapa sahaja yang mendoakan kebaikan dan kesembuhan.

Rujukan:

https://iluvislam.my/kehidupan-dunia-adalah-satu-ujian/
http://zurinahhassan.blogspot.com/2014/08/penulisan-kreatif-dan-panduan-menjadi.html
https://www.bharian.com.my/rencana/agama/2019/08/598810/perubatan-islam-sembuh-penyakit-rohani-jasmani
https://www.youtube.com/watch?v=JW-HvhiGDpM
Majalah Solusi (131) 2019 Terbitan Telaga Biru Sdn.Bhd. No 28 Jalan Tembaga,SD 2/2A,Sri Damansara
Industrial Park, 52200 kuala Lumpur.

Sabar itu indah, ujian itu anugerah

NORHAFIZAH BINTI MOHD GHAZALI

Saat merasa beratnya ujian

SABAR ITU INDAH Kenapa aku menerima ujian seberat ini? Firman Allah dalam surah Al-Baqarah ayat 286 yang bermaksud, ***"Allah tidak membebani seseorang melainkan sesuai dengan kesanggupannya. Ia mendapat pahala (dari kebajikan) yang diusahakannya dan ia mendapat siksa (dari kejahatan) yang dikerjakannya....".***

Ujian dan mehnah

Setiap insan diuji dengan pelbagai mehnah. Ada ketika ujian datang dalam bentuk kemiskinan dan kesukaran hidup. Ketika dilanda kesempitan masihkah hati dilimpahi nilai kesyukuran? Sejauh manakah nilai kesabaran menjadi taruhan? Apakah cacian, makian, rungutan dan putus harapan menguasai diri? Apakah kemiskinan menjadi penyebab berubah perlakuan ke arah kejahatan atau istiqamah dan teguh pendirian mempertahankan kebaikan dan kemaslahatan? Suburkanlah nilai kesabaran walau hebat ujian dan dugaan!

Kesenangan juga adalah ujian

Harta yang banyak dan melimpah ruah juga menjadi ujian. Ujian bagi menilai masihkah taat mengagumi Rabb Yang Maha Kaya. Adakah harta dikurnia dibelanjakan ke jalan kebaikan? Masihkah zakat ditunaikan kepada mereka yang berhak dan memerlukan? Atau sifat riak dan takbur menguasai hati? Ada ketika kekayaan dimiliki menjadikan diri begitu alpa dengan nikmat kesenangan dan keseronokan. Kesibukan rutin harian menyebabkan amal ibadah di'anaktiri'kan. Solat di hujung waktu apatah lagi ibadah-ibadah sunat jarang melingkari ruang kehidupan yang penuh dengan kemewahan dunia. Ayuh, sematkan keinsafan tingkatkan keimanan!

"Ujian juga datang dalam bentuk kemewahan, masihkah kita mampu kekal tunduk pada Allah, saat kekayaan setinggi langit?"

Ujian saat sihat

Ketika nikmat sihat melingkari kehidupan juga merupakan ujian. Apakah diri masih mengingati Tuhan pencipta alam? Bagaimanakah pula nikmat kesihatan itu dimanfaatkan? Apakah ibadat dilipat gandakan? Amalan wajib, malah amalan sunat teguh menjadi pegangan yang diamalkan. Janganlah nikmat sihat itu disia-siakan dengan hal keduniaan semata-mata. Kelak diri merasa rugi apabila nikmat dikurniakan tidak dimanfaatkan.

Sabar dan syukurkah kita saat diuji?

Apabila nikmat sihat ditarik lalu diganti dengan sakit, apakah hati tetap teguh meyakini keagungan Allah Yang Maha Mengetahui hikmah disebalik setiap sesuatu? Sakit ini juga menjadi ujian. Ujian bagi menilai masihkah zikir tanda ingatan tetap menjadi amalan atau hanya mempersoalkan kenapa harus sakit ini ditimpakan? Rasulullah SAW bersabda **"Setiap penyakit ada ubatnya. Apabila tepat ubat suatu penyakit, tentu penyakit itu sembuh dengan izin Allah".** (Riwayat Muslim no. 2067). Justeru, janganlah mudah berputus asa saat diuji. Teruslah sabar dan berdoa agar Allah meringankan penderitaan serta menyegerakan kesembuhan.

Ujian satu anugerah

Kenapa manusia diuji? Firman Allah dalam Surah Al-Ankabut ayat 2-3 yang bermaksud, ***"Apakah manusia itu mengira bahawa mereka dibiarkan (saja) mengatakan: 'Kami telah beriman', sedang mereka tidak diuji lagi? Dan sesungguhnya Kami telah menguji orang-orang yang sebelum mereka, maka sesungguhnya Allah mengetahui orang-orang yang benar dan sesungguhnya Dia mengetahui orang-orang yang dusta".***

Nabi bersabda "Setiap penyakit ada ubatnya. Apabila tepat ubat suatu penyakit, tentu penyakit itu sembuh dengan izin Allah 'Azza wa Jalla". Justeru, jangan mudah berputus asa saat diuji. Teruslah sabar dan berdoa.

Rujukan

Al Quran. 2013. *Tafsir Pimpinan ar- Rahman Kepada Pengertian al-Quran 30 Juz.* Terj. Sheikh Abdullah Basmeih. Kuala Lumpur: Darulfikir.

Hadis Riwayat Muslim, No. Hadis: 2067



Rangkuman aktiviti Unit Pendidikan Islam dan Moral,
Jabatan Pengajian Am, PTSS

PPRISMA 2019

Para pelajar menghasilkan inovasi berkaitan kursus

PPRISMA 2019

Sesi penyampaian hadiah kepada kumpulan yang berjaya menambat hati juri

PPI : SEMINAR PENGAJIAN MALAYSIA

Sesi penyampaian cenderahati kepada penceramah, Tuan Noorazmir bin Zakaria

PPI : SEMINAR PENGAJIAN MALAYSIA

Bergambar kenangan bersama peserta seminar yang terdiri dari pelajar - pelajar semester satu.

PPI : SEMINAR PENGAJIAN MALAYSIA

Para peserta sedang mendengar kupasan pelbagai isu undang-undang di Malaysia

PPI : SEMINAR PENGAJIAN MALAYSIA

Sebahagian dari peserta seminar

TITIAN KASIH BERSAMA UNIC CARE

Pelajar dalam perjalanan untuk menyertai program bersama Unic Care

TITIAN KASIH BERSAMA UNIC CARE

Pelajar disajikan dengan pelbagai aktiviti menarik berbentuk kerjasama kumpulan dan membetuk kreativiti pelajar

TITIAN KASIH BERSAMA UNIC CARE

Pelajar telah memberikan kerjasama yang baik semasa program dilaksanakan

PROGRAM ZIARAH HARMONI

Melibatkan pelajar semester 2 yang mengikuti kursus Nilai Masyarakat Malaysia yang bertujuan memberi pendedahan dan sikap saling menghormati antara agama.

PROGRAM ZIARAH HARMONI

Para pelajar berkunjung ke rumah ibadat pelbagai kaum. Sesi penyerahan cenderahati di Gurdwara Sahib

PROGRAM ZIARAH HARMONI

Bergambar kenangan di Masjid Al- Hussain Kuala Perlis

PROGRAM PASCA UPSR SEK. KEB. DATO' WAN KEMARA

Sesi bergambar fasilitator yang terdiri dari pelajar semester 1 Diploma Akauntansi bersama pensyarah.

PROGRAM PASCA UPSR SEK. KEB. DATO' WAN KEMARA

Pelajar tahun 6 yang terlibat dalam memberi komitmen sepanjang program dilaksanakan

PROGRAM PASCA UPSR SEK. KEB. DATO' WAN KEMARA

Sesi penyampaian cenderahati oleh Ketua Jabatan Pengajian Am kepada Sek. Keb. Dato' Wan Kemara

PROGRAM PASCA UPSR SEK. KEB. DATO' WAN KEMARA

Pelajar tahun 6 menjalankan aktiviti berkumpulan yang bertujuan membentuk kreativiti dan semangat kerjasama antara satu sama lain

CSR KE PUSAT JAGAAN HEMBUSAN KASIH ARAU

Antara aktiviti berkumpulan yang dijalankan bersama anak - anak di Pusat jagaan hembusan Kasih

CSR KE PUSAT JAGAAN HEMBUSAN KASIH ARAU

para peserta CSR yang terdiri dari pelajar semester 1 Diploma Pengurusan Acara (DEVbergambar bersama anak - anak di pusat jagaan tersebut.